



SEIMBAS LALU PELAJARAN TERDAHULU

Apa punca wujudnya cinta? Dari mana cinta datang?

- i) Cinta wujud kerana sifat semulajadi kita iaitu kita memang cinta/sayang akan diri kita sendiri.
- ii) Cinta wujud kerana sifat semulajadi kita iaitu kita akan mencintai dan menyukai pihak yang berbuat baik kepada kita.
- iii) Cinta lahir kerana sifat semulajadi kita yang memang menyukai dan mencintai apa sahaja yang elok, cantik, bagus, hebat walaupun kita tak dapat apa-apa.
- iv) Cinta datang kerana mata hati kita ada kebolehan untuk mencintai hal-hal yang ghaib (“bentuk zahiriyyah).
- v) Cinta hadir kerana ada keserasian antara dua pihak.

Pada HAKIKATNYA :

- Kesemua cinta datangnya daripada Allah dan kembali kepada Allah juga.
- Semuanya bermula daripada Allah dan kena juga kepada Allah sendiri.
- Dalam bahasa dalam atau bahasa sufinya : “Pada HAKIKATnya, Yang Mencinta itulah Yang Dicinta.”
- “Tidak ada Yang Mencinta selain Allah.”
- “Tidak ada Yang Dicinta selain Allah.”
- Maka orang yang berilmu hakikat dan mencapai ma’rifat, cintanya menembusi makhluk lalu kena pada Allah.

Untuk memudahkan pemahaman, kita imbas kembali HAKIKAT PUJIAN :

- i) Allah puji Allah (puji Qadim bagi Yang Qadim) = pujian itu kena pada Allah.
- ii) Allah puji makhluk (puji Yang Qadim bagi yang baharu) = pujian itu kena pada Allah juga.
- iii) Makhluk puji Allah (puji yang baharu bagi Yang Qadim) = pujian itu kena pada Allah juga.
- iv) Makhluk puji makhluk (puji yang baharu bagi yang baharu) = pujian itu jatuh pada Allah juga.

Kesimpulannya :

- Segala pujian hanya untuk Allah iaitu “Alhamdulillah”.
- Semua puji-pujian itu pada HAKIKATNYA datang daripada Allah dan kena pada Allah sendiri.
- Dalam bahasa sufinya : “Pada HAKIKATNYA, Yang Memuji itulah Yang Dipuji.”

Ulangkaji HAKIKAT “terima kasih” :

- i) Pada HAKIKATNYA, yang menggerakkan orang lain buat kebaikan kepada kita tidak lain ialah Allah.

- ii) Oleh itu, ucapan terima kasih kita dari segi HAKIKATNYA tidak kena langsung pada orang yang berbuat baik itu, tetapi kena pada Allah jua.
- iii) Pada HAKIKATNYA, tidak ada yang berjasa selain Allah.
- iv) Orang yang berilmu hakikat dan mencapai ma'rifat, terima kasihnya menembusi makhluk lalu jatuh pada Allah sahaja.
- v) Namun begitu, adab-adab dari segi SYARIAT tetap mesti dipelihara.

***Cuba kita imbas ulangkaji ini dengan konsep cinta di atas tadi. Insya-Allah akan nampak lebih jelas.

Apakah antara punca ketidakhadiran cinta akan Allah?

- i) Kerana kita tidak mengenal Allah.
- ii) Kerana kita mungkin ada juga mengenal Allah, tetapi belum cukup kenalnya.
- iii) Kerana keindahan Yang Maha Indah itu masih terhibab kepada kita, belum terbuka lagi.

Hendak cinta mestilah kenal.

Hendak kenal mestilah tahu.

Hendak tahu mestilah mencari tahu.

Manakan boleh datangnya cinta jika tidak mengenal.

Manakan boleh datangnya kenal jika tidak tahu.

Manakan bisa datangnya tahu jika tidak mencari tahu.

Mencari tahu biar sampai tahu.

Tahu biar sampai kenal.

Kenal biar sampai cinta.

Cinta... biar kekal selamanya.

PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI

(ms 426) **Bahawa yang mustahak bagi kecintaan ialah Allah Tuhan Yang Maha Esa.**

Bahawa orang yang mencintai selain Allah, tidak dari segi hubungannya kepada Allah, maka yang demikian itu kerana kebodohan dan keteledorannya pada berma'rifah kepada Allah Taala.

Cinta kepada Rasulullah saw itu terpuji. Kerana itu adalah kecintaan kepada Allah Taala.

Seperti demikian juga, kecintaan kepada para ulama dan orang-orang yang taqwa. Kerana dicintai orang yang dicintai itu dicintai. Rasul bagi Yang Dicintai itu dicintai. Dan yang mencintai yang dicintai itu dicintai.

Semua yang demikian itu **kembali kepada kecintaan pokok**. Maka ia tidak melewatinya kepada yang lain. **Tiadalah yang dicintai pada hakikatnya** pada orang-orang yang bermata hati, **selain Allah Taala**. Dan tidak ada yang mustahak untuk dicintai selain Dia.

Penjelasannya ialah dengan kita **kembali kepada sebab yang lima**, yang telah kami sebutkan dahulu. Dan kami jelaskan bahawa **sebab-sebab yang lima itu terkumpul pada Allah Taala secara keseluruhannya**.

Dan tidak didapati pada yang lain daripadanya, selain satu-satu dari sebab-sebab itu. **Sebab-sebab itu hakikatnya adalah pada Allah Taala**.

Adanya pada yang lain dari Allah Taala itu adalah sangkaan dan khayalan. Dan itu majaz (tiada hakikat) semata-mata, yang tiada hakikat baginya.

Manakala telah tetap demikian, nescaya tersingkaplah bagi setiap orang yang mempunyai mata hati, lawan apa yang dikhayalkan oleh orang-orang yang lemah akal dan hati, daripada kemustahilan kecintaan Allah Taala pada hakikatnya.

Dan jelaslah bahawa pada hakikatnya itu menghendaki, bahawa anda tidak mencintai seseorang, selain Allah Taala.

(ms 427) **Adapun sebab pertama iaitu cintanya insan akan dirinya,** kekekalannya dan kesempurnaannya, kekekalan terus adanya dan bencinya bagi kebinasaannya, tiadanya, kekurangannya dan terputus-putus kesempurnaannya.

Maka ini adalah sifat bagi setiap yang hidup. Tiada tergambar akan terlepas daripadanya. Dan ini menghendaki akan penghabisan kecintaan adalah bagi Allah Taala.

Orang yang mengenal dirinya dan mengenal Tuhannya, nescaya sudah pasti ia mengenal, bahawa **ia tiada mempunyai wujud bagi dirinya.**

Bahawa wujud dirinya, kekekalan wujudnya dan kesempurnaan wujudnya itu, **dari Allah, kepada Allah dan dengan Allah.**

Dialah Pencipta yang mengadakannya. Dialah yang mengekalkannya. Dialah yang menyempurnakan bagi adanya, dengan menciptakan sifat-sifat kesempurnaan, menciptakan sebab-sebab yang menyampaikan kepadanya dan menciptakan petunjuk kepada pemakaian sebab-sebab itu.

Jikalau tidak maka hamba itu dari segi dirinya, tidaklah ia mempunyai wujud akan dirinya. Bahkan ia hapusan semata-mata dan tidak ada semata-mata, jikalau tidaklah kurnia Allah Taala kepadanya dengan penciptaan.

Dia akan binasa di belakang adanya, jikalau tidaklah kurnia Allah kepadanya dengan mengekalkan terus hidupnya. Dan itu kekurangan sesudah wujud, jikalau tidaklah kurnia Allah kepadanya, dengan penyempurnaan bagi kejadiannya.

Kesimpulannya, bahawa tidak adalah pada wujud ini sesuatu yang berdiri sendiri, selain **Yang Berdiri Sendiri, Yang Hidup, Yang Berdiri Dengan ZatNya**.

Setiap yang lain daripadanya itu berdiri dengan sebabNya. Maka jikalau orang yang berma'rifah mencintai dirinya dan adanya dirinya itu memperoleh faedah dari yang lain, maka dengan secara mudah, orang yang memperoleh faedah itu mencintai bagi wujud dirinya dan mencintai yang mengekalkannya, jikalau dikenalnya akan Pencipta, Yang Mewujudkan, Yang Menjadikan, Yang Mengekalkan, Yang Berdiri Sendiri dan Yang Mendirikan bagi lainNya.

Jikalau ia tidak mencintainya, maka itu kerana kebodohan dirinya, dengan dirinya dan dengan Tuhannya.

Cinta itu buah ma'rifah. Maka **cinta itu menjadi tiada, dengan tiadanya ma'rifah**. Menjadi lemah kerana lemahnya ma'rifah dan menjadi kuat dengan kuatnya ma'rifah.

Kerana itulah Hasan al-Basri berkata : *"Siapa yang mengenal Tuhannya, nescaya dicintainya. Siapa yang mengenal dunia, nescaya ia zuhud di dunia.*

Bagaimana dapat digambarkan, bahawa insan itu mencintai dirinya dan tidak mencintai Tuhannya. Yang dengan Dia itu dirinya dapat berdiri?

Dan sebagai dimaklumi, bahawa orang yang mendapat percubaan dengan panasnya matahari, manakala ia menyukai naungan, maka

dengan mudah difahami ia menyukai pohon-pohonan, **yang dengan pohon-pohonan itu tegaknya naungan.**

Dan semua dalam wujud ini, dengan dikaitkan kepada qudrah Allah Taala, maka adalah seperti naungan dengan dikaitkan kepada pohon kayu dan cahaya dengan dikaitkan kepada matahari.

Bahawa semua itu dari bekas qudrahNya dan wujudnya setiap sesuatu itu mengikuti kepada wujudnya. Sebagaimana adanya cahaya mengikuti bagi matahari. **Adanya naungan mengikuti bagi pohon kayu.**

Bahkan contoh ini benar, dengan dikaitkan kepada dugaan orang-orang awam. Kerana mereka mengkhayalkan bahawa cahaya itu bekas matahari, terpancar daripadanya dan adanya disebabkan matahari. Ini adalah salah semata-mata.

Kerana telah tersingkap bagi orang-orang yang mempunyai matahati, dengan penyingkapan yang lebih terang daripada penyaksian penglihatan mata, bahawa cahaya itu hasil dari qudrah Allah Taala, sebagai ciptaan ketika terjadinya berhadapan antara matahari dan tubuh-tubuh yang tebal.

Sebagaimana cahaya matahari, dirinya, bentuknya dan rupanya, juga hasil dari qudrah Allah Taala. Akan tetapi, **maksud dari contoh-contoh itu untuk memberi pengertian sahaja. Maka tidaklah dicari padanya akan hakikat-hakikat.**

Jadi, jikalau adalah cintanya insan itu akan dirinya merupakan hal yang dharuri (mudah difaham), maka cintanya insan kepada Tuhan, yang mula pertama berdirinya dengan Dia dan yang kedua, kekekalannya, pada asal-usulnya, sifat-sifatnya, zahirnya, batinnya, jauh dan 'aradhnya, juga dharuri, bahawa ia mengenal yang demikian, seperti yang demikian.

Siapa yang terlepas dari cinta ini, maka adalah kerana ia menyibukkan dirinya dengan dirinya sendiri dan nafsu syahwatnya, lupa kepada Tuhannya dan Khaliqnya.

Maka tidak dikenalnya dengan ma'rifah yang sebenarnya. Ia bataskan pandangannya kepada nafsu syahwatnya dan yang dirasakan oleh pancainderanya sahaja.

laitu **alam syahadah** (yang dapat disaksikan dengan mata kepala), yang berkongsi insan dengan haiwan pada menikmatinya dan berlapang-lapang padanya. Tidak **alam malakut**, yang tidak dipijakkan buminya, selain oleh makhluk yang mendekati kepada keserupaan dengan malaikat. Maka ia memandangi padanya dengan kadar dekatnya pada sifat-sifat malaikat. Dan berkurang daripadanya, dengan kadar turunnya kepada lembah alam haiwan.

Bagaimana engkau hendak serasi dengan Allah dalam keadaan engkau tidak serasi dengan kalamNya iaitu Al-Quran?

Bagaimana engkau hendak serasi dengan Allah sedangkan engkau tidak serasi dengan rumah-Nya yakni masjid surau?

Bagaimanalah engkau akan serasi dengan Allah padahal engkau tidak serasi dengan hukum-hakam, undang-undang dan peraturan-peraturan-Nya?

Macam manalah engkau mahu serasi dengan Allah Memandangkan engkau tidak serasi pun dengan orang-orang-Nya laitu para ulama?

- *Tazkirah FB Abu Zulfiqar no. 199 (Oktober 7, 2015)*

*Semua 148 kali syarahan kitab Ihya' 'Ulumuddin di surau ini boleh diulang-ulang dengar/tonton di Youtube. Tuliskan "syarah ihya" atau "kitab cinta ihya" pada carian Youtube. Selamat mengulangkaji.